



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



ARMIZAN (tiga dari kiri) meninjau jualan Rahmah sempena Karnival KPDN 2024 di Kangar Jaya, Kangar, kelmarin.

Jualan runcit, borong naik, bukti ekonomi progresif

KANGAR – Aktiviti ekonomi domestik negara terus progresif apabila prestasi nilai jualan borong dan runcit pada Mac lalu meningkat 5.2 peratus dengan mencatatkan nilai RM145.7 bilion berbanding bulan sama, tahun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, data terkini dikeluarkan Jabatan Perangkaan mengenai prestasi perdagangan borong dan runcit itu memberi petunjuk yang cukup positif.

"Prestasi nilai jualan borong dan runcit meningkat 5.2 peratus berbanding Mac tahun lalu dengan nilai jualan kedua-dua sektor itu bagi Mac tahun ini sahaja mencapai angka RM145.7 bilion.

"Bagi nilai perdagangan runcit pula, ia mencatatkan peningkatan 7.1 peratus secara *year on year basis* dengan nilai jualan berjumlah RM62.8 bilion," katanya ketika berucap pada perasmian Karnival Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Kos Sara Hidup (KPDN) 2024 di Kangar Jaya, di sini kelmarin.

Kata Armizan, peningkatan tersebut memberi petanda bahawa ekosistem ekonomi domestik negara berada dalam keadaan segar dan progresif.

Beliau turut menekankan bahawa segala tindakan, pemantauan dan penguatkuasaan KPDN berada di landasan yang betul.

Dalam pada itu, beliau turut menegaskan bahawa KPDN akan terus memberi fokus untuk meningkatkan kesedaran serta advokasi kepenggunaan menerusi pelbagai usaha oleh pihak kerajaan bersama sektor swasta, korporat dan pertubuhan bukan kerajaan.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan bahawa KPDN selaku sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara juga akan terus memberi perhatian terhadap pelbagai usaha bagi meningkatkan pendapatan rakyat sekali gus menurunkan kos sara hidup masyarakat di negara ini.

Pengusaha komplot nak petrol terjual

Rantau Panjang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui ada dalam kalangan pengusaha stesen minyak menyedari kenderaan tertentu digunakan untuk kegiatan penyeludupan petrol.

Bagaimanapun, pengusaha terbabit sanggup bersekongkol semata-mata mahu petrol mereka terjual walaupun barang subsidi terbabit dibawa ke negara jiran.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail ketika mendedahkan perkara itu berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap pengusaha stesen minyak yang bersekongkol dengan penyeludup termasuk menyita atau menggantung lesen mereka.

“Kita akui kegiatan penyeludupan petrol atau diesel semakin licik. Mereka kini mula menggunakan kenderaan dan nombor pendaftaran Malaysia untuk tujuan

berkekaan.

“Sebaik sahaja mereka mengisi, mereka akan masuk ke Thailand dan kembali semula ke Rantau Panjang untuk mengisi petrol.

“Ini kerana mereka sedar sekiranya menggunakan kenderaan Malaysia, mereka tidak membuat kesalahan.

“Di pihak KPDN, kesalahan yang berlaku adalah ketika mereka mengeluarkan membawa ke negara jiran.

“Namun itu tidak bermakna kita tidak boleh menyekat kegiatan mereka, sudah tentu kita boleh pertikai bagaimana petrol yang diisi penuh boleh habis dalam tempoh beberapa minit sahaja,” katanya.

Mengulas lanjut katanya, bagi mengekang kegiatan penyeludupan petrol, pihaknya kini menempatkan anggota di stesen minyak di sempadan seperti Jeli, Rantau Panjang dan Tumpat secara statik.

Rantau Panjang

Sedut petrol guna kenderaan dan nombor pendaftaran Malaysia menjadi taktik terbaru sindiket penyeludupan petrol sebelum menghantar bekalan terbabit ke Thailand.

Taktik berkenaan dikesan mula aktif sejak awal tahun ini dengan kebanyakan mereka yang didalangi warga Thailand menggunakan kereta Proton Waja memandangkan tangki petrol didakwa lebih besar berbanding kenderaan lain.

Mereka juga sanggup membeli kenderaan dari Malaysia semata-mata untuk tujuan berkenaan dengan setiap sindiket mempunyai sekurang-kurangnya tiga kenderaan untuk kegiatan menyeludup petrol.

Tinjauan Harian Metro selama tiga hari di kawasan sempadan Rantau Panjang mendapati seawal jam 7 pagi sebaik Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) dibuka, lebih 30 kereta Proton Waja dari Thailand masuk ke Rantau Panjang dari Thailand.

Mereka kemudiannya terus stesen minyak berdekatan dan kebanyakan mereka akan mengisi penuh petrol sebelum kenderaan terbabit dilihat masuk semula ke Thailand.

Tidak sampai 15 minit, kenderaan sama sudah kelihatan masuk semula ke Rantau Panjang dan menuju destinasi sama iaitu stesen minyak.

Dalam tempoh satu jam, ada Proton Waja sudah mendapat sekurang-kurangnya tiga 'trip' untuk mengisi minyak petrol dengan ada dalam kalangan mereka adalah pemandu wanita.

Pergerakan mereka cukup pantas dan mereka

akan merembes sebanyak mungkin 'trip' (mengisi minyak) memandangkan mereka mendakwa tinjauan akan dilakukan oleh anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

bermula kira-kira jam 9 pagi. Situasi di beberapa stesen minyak setiap pagi ketika tinjauan dilakukan begitu meriah dan boleh dikatakan beberapa pam petrol di stesen berkenaan dikhaskan untuk sindiket berkenaan.

“Boleh dikatakan lima hingga 10 trip sebuah kereta dapat lakukan setiap hari”
Ahmad

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my



WARGA Thailand mengisi minyak petrol dengan menggunakan kenderaan nombor pendaftaran Malaysia seawal jam 7 pagi sebelum memasuki kompleks ICQS.

Guna Waja seludup petrol

Sindiket penyeludupan didalangi warga Thailand turut menggunakan nombor pendaftaran Malaysia

Malah, tindakan itu dikatakan turut mendapat 'bantuan' daripada pekerja stesen minyak walaupun sedar kenderaan terbabit digunakan untuk kegiatan menyeleweng petrol bersubsidi. Seorang penyeludup yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 49, berkata, situasi warga Thailand menggunakan kenderaan dan nombor pendaftaran negara ini untuk kegiatan penyeludupan minyak semakin berleluasa.

Menurutnya, mereka kini tidak perlu bersusah payah untuk membawa bekalan menerusi Sungai Golok, sebaliknya hanya menggunakan kenderaan Malaysia dan sebaik mengisi penuh minyak petrol, mereka akan masuk semula ke Thailand dan mengeluarkan petrol terbabit sebelum kembali semula ke Malaysia.

"Kebanyakan sindiket kini menggunakan Proton Waja memandangkan tangki yang lebih besar dan kita tidak perlu mengubah suai bagi mengelak dikesan pihak berkuasa."

berkuasa.

"Pada masa sama, tujuan kenderaan tidak diubah suai adalah bagi mengelak kenderaan dirampas pihak KPDN sekiranya kegiatan penyeludupan petrol itu berjaya dikesan."

"Boleh dikatakan sekurang-kurangnya lima hingga 10 trip untuk sebuah kereta akan dapat dilakukan setiap hari dan kegiatan ini akan berhenti seketika sebaik mengesan kehadiran anggota KPDN."

"Bayangkan jika satu sindiket mempunyai lima kenderaan dan bera-

pa banyak petrol dibawa ke Thailand setiap hari," katanya.

Ahmad turut mendakwa, mereka tidak berdepan masalah untuk mengisi minyak penuh sekiranya 'line clear' kerana kegiatan itu turut dibantu pekerja di stesen minyak.

"Kaedah menggunakan kenderaan dan nombor pendaftaran Malaysia adalah paling berkesan memandangkan pihak berkuasa sukar untuk mengambil tindakan berbanding kaedah sebelum ini menggunakan kenderaan Thailand," katanya.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SK Gadong Jaya juarai bicara berirama Negeri Sembilan

Seremban: Sekolah Kebangsaan (SK) Gadong Jaya di sini muncul juara pertandingan bicara berirama (choral speaking) sempena Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Guru Penyelaras, K Kogilam, berkata biarpun hanya mempunyai masa selama seminggu bagi menyiapkan pasukan, penyertaan kali pertama ini ternyata berbaloi apabila muncul juara.

Katanya, tempoh seminggu itu digunakan sepenuhnya bagi membentuk pasukan dan melatih murid bagi menghadapi pertandingan yang dianjurkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Semua guru dan ibu bapa memberi komitmen sangat baik

bagi memastikan murid mempunyai persiapan yang mencukupi termasuk mengadakan latihan pada hari cuti umum.

"Bukan mudah untuk membentuk pasukan yang terdiri daripada 35 murid pelbagai darjah, namun semuanya berjalan lancar hasil kerjasama guru dan ibu bapa," katanya.

Kogilam berkata, lebih mengembirakan pasukan apabila murid Tahun Enam, Nur Amani Batrisyia Mohd Rizal turut memenangi Anugerah Konduktor Terbaik dalam pertandingan itu.

Tambahnya, pertandingan berkenaan dianjurkan bertujuan mendidik ilmu kepenggunaan kepada murid justeru, skrip persembahan sekolah berkenaan menggariskan peranan kanak-kanak sebagai pengguna.



Pasukan SK Gadong Jaya muncul juara pertandingan bicara berirama sempena Hari Pengguna kebangsaan peringkat Negeri Sembilan.



PENANAMAN bawang merah di kawasan seluas satu hektar di Kuala Bikam, Batang Padang, Perak pada 24 Januari lalu.

Program rintis tanaman itu telah bermula 2005

Tidak tanam bawang sebab kos lebih tinggi

PETALING JAYA – Program Pembangunan Tanaman Bawang tidak dilaksanakan lebih awal di negara ini disebabkan ketika itu harga bawang lebih murah diimport berbanding membuat penanaman sendiri.

Pengarah Bahagian Pengembangunan Pertanian, Jabatan Pertanian, Johari Abdullah berkata, pihaknya telah memulakan projek rintis penanaman bawang pada tahun 2005.

"Pada masa itu harga bawang di pasaran dilihat lebih murah berbanding kos untuk menanam dalam negara.

"Pada 2022, negara mengimport pelbagai jenis bawang sebanyak 685,400 tan metrik dengan nilai RM1.5 bilion dari beberapa negara seperti India, Be-

landa, China, Pakistan, Thailand serta lain-lain negara," jelasnya dalam temu bual melalui saluran YouTube Jabatan Pertanian semalam.

Tambah Johari, jumlah import bawang tertinggi untuk memenuhi keperluan negara adalah dari India iaitu sebanyak 320,000 tan metrik.

"Pengimportan tersebut direkodkan pada tahun 2022 sebelum sekatan eksport bawang dari negara pengeluar bawang terbesar dunia itu," katanya.

Menurut beliau lagi, maklumat terkini pada 4 Mei yang lalu, India telah mengeluarkan satu notis kepada pengimport bawang bahawa pengeksportan bawang boleh dilakukan tetapi pada kadar yang agak tinggi iaitu AS\$550

per tan metrik. Ia satu nilai yang tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Jadi kerajaan telah mengambil satu langkah bagi menjamin bekalan bawang dalam negara dengan melaksanakan projek penanaman bawang berskala prakomersial yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang," tambah

Terdahulu projek rintis seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungkai, Perak telah memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan untuk tuaian kali pertama.

Penanaman itu menggunakan varieti bawang merah BAW-1 yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-May	Kilang pau terkemuka diserbu, sijil halal tamat tempoh sejak dua tahun lalu	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kilang-pau-terkemuka-diserbu-sijil-halal-tamat-tempoh-sejak-dua-tahun-lalu-469922	ASTRO AWANI
13-May	Kilang pau diserbu guna logo halal tamat tempoh	https://www.sinarharian.com.my/article/663973/berita/semasa/kilang-pau-diserbu-guna-logo-halal-tamat-tempoh	SINAR HARIAN
13-May	Pau and coffee maker in Ipoh raided for using expired halal certs	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/05/10/pau-and-coffee-maker-in-ipoh-raided-for-using-expired-halal-certs	THE STAR
13-May	KPDN Sabah rampas 7,380 liter minyak diesel	https://sabahmedia.com/2024/05/10/kpdn-sabah-rampas-7380-liter-diesel	SABAH MEDIA
13-May	KPDN Sabah rampas 7,380 liter diesel	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/10/kpdn-sabah-rampas-7380-liter-diesel	UTUSAN BORNEO
13-May	7,300 litres of smuggled diesel seized in Penampang	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/05/1048731/7300-litres-smuggled-diesel-seized-in-penampang	NEW STRAITS TIMES
13-May	KPDN Sarawak terima kes serahan penyelewengan minyak masak paket bersubsidi	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-sarawak-terima-kes-serahan-penyelewengan-minyak-masak-paket-bersubsidi	BERITA RTM
13-May	Dua lelaki tempatan ditahan terbabit kes seleweng minyak masak bersubsidi	https://suarasarawak.my/dua-lelaki-tempatan-ditahan-terbabit-kes-seleweng-minyak-masak-bersubsidi	SUARA SARAWAK

13-May	Program KKDW bantu pembangunan, penduduk luar bandar	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/09/program-kkdw-bantu-pembangunan-penduduk-luar-bandar	UTUSAN BORNEO
13-May	PROGRAM KKDW BANTU PEMBANGUNAN, PENDUDUK LUAR BANDAR	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2296102	BERNAMA
13-May	11th Battalion forces hand over 8,347 of seized packaged cooking oil to Ministry	https://dayakdaily.com/11th-battalion-forces-hand-over-8347kg-of-seized-packaged-cooking-oil-to-ministry/	DAYAK DAILY
13-May	Projek sistem kawalan diesel bersubsidi diperluas kepada 14 kenderaan	https://themalaytribune.com/projek-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-diperluas-kepada-14-kenderaan/	THE MALAY TRIBUNE
13-May	Projek Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi diperluas kepada 14 kenderaan	https://thesun.my/cerita/berita/projek-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-diperluas-kepada-14-kenderaan-HD12444704	THE SUN
13-May	Projek Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi diperluas kepada 14 kenderaan	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/12/projek-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-diperluas-kepada-14-kenderaan	UTUSAN BORNEO
13-May	Subsidised diesel control system project expanded to another 14 types of vehicles - Armizan	https://thesun.my/local_news/subsidised-diesel-control-system-project-expanded-to-another-14-types-of-vehicles-armizan-ND12444494	THE SUN
13-May	Subsidised diesel control system project expanded to another 14 types of vehicles, says Armizan	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/12/subsidised-diesel-control-system-project-expanded-to-another-14-types-of-vehicles-says-armizan/133947	MALAY MAIL
13-May	Subsidised diesel control system project expanded to another 14 types of vehicles: Armizan	https://www.dailyexpress.com.my/news/234124/subsidised-diesel-control-system-project-expanded-to-another-14-types-of-vehicles-armizan/	DAILY EXPRESS
13-May	Projek sistem kawalan diesel bersubsidi diperluas kepada 14 kenderaan	https://malaysiagazette.com/2024/05/12/projek-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-diperluas-kepada-14-kenderaan/	MALAYSIA GAZETTE

13-May	Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 diperluas	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-2-0-diperluas	BERITA RTM
13-May	Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 diperluas	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1246184/sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-20-diperluas	BERITA HARIAN
13-May	KPDN perluas SKDS 2.0 melibatkan 14 jenis kenderaan barangan	https://www.sinarharian.com.my/article/664410/berita/nasional/kpdn-perluas-skds-20-melibatkan-14-jenis-kenderaan-barangan	SINAR HARIAN
13-May	KPDN perluas pelaksanaan Fasa 2 Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-perluas-pelaksanaan-fasa-2-sistem-kawalan-diesel-bersubsidi-skds-2-0/	UTUSAN MALAYSIA
13-May	KPDN perluas SKDS 2.0 dengan tambahan 14 jenis pengangkutan darat barangan	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-perluas-skds-2-0-dengan-tambahan-14-jenis-pengangkutan-darat-barangankpdn-perluas-skds-2-0-dengan-tambahan-14-jenis-pengangkutan-darat-barangan/	BULETIN TV3
13-May	PROJEK SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI DIPERLUAS KEPADA 14 KENDERAAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2296906	BERNAMA
13-May	Armizan: Subsidised diesel control system project expanded to another 14 types of vehicles	https://www.theedgemaalaysia.com/node/711227	THE EDGE MALAYSIA
13-May	Rahmah Sale crowd-puller at 2024 KPDN Carnival in Perlis	https://www.dailyexpress.com.my/news/234119/rahmah-sale-crowd-puller-at-2024-kpdn-carnival-in-perlis/	DAILY EXPRESS
13-May	ESSCOM tahan 29 individu dalam Operasi Bersepadu RCP Sapi Nangoh	https://www.sabahgazette.com/esscom-tahan-29-individu-dalam-operasi-bersepadu-rcp-sapi-nangoh/	SABAH GAZETTE
13-May	ESSCOM tahan 29 individu dalam Operasi Bersepadu RCP Sapi Nangoh	https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/12/esscom-tahan-29-individu-dalam-operasi-bersepadu-rcp-sapi-nangoh	UTUSAN BORNEO